

11/05/2002

Guru sains, matematik belum bersedia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Cadangan menggunakan bahasa Inggeris bagi mengajar sains dan matematik mulai sekolah rendah mungkin menimbulkan masalah terutama dari segi kesediaan dan kemampuan sebahagian guru mata pelajaran itu untuk berbuat demikian.

Tambahan pula ketika ini banyak sekolah di luar bandar sendiri kekurangan guru bahasa Inggeris yang terlatih.

Sehubungan itu, persatuan guru besar dan pengetua mencadangkan langkah lain untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar iaitu dengan mewajibkan mereka lulus subjek Bahasa Inggeris dalam peperiksaan, terutama pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (MGB), Sanip Suradi, berkata walaupun cadangan MT Umno itu baik, banyak persediaan perlu dibuat termasuk menyediakan guru sains dan matematik yang fasih berbahasa Inggeris serta bahan pengajaran dalam bahasa berkenaan.

Beliau bimbang penguasaan bahasa Inggeris di kalangan sebahagian guru sains dan matematik tidak mencapai tahap yang diharapkan serta mengambil masa untuk melatih semula guru terbabit bagi membiasakan mereka dengan istilah di dalam bahasa Inggeris.

"Ketika ini kita bukan saja kekurangan guru sains dan matematik, tetapi juga guru bahasa Inggeris, sama ada dari segi bilangan mahupun kualiti. Jumlah guru bahasa Inggeris sendiri, terutama di luar bandar, masih terhad. Masih ada sekolah yang tidak mempunyai guru bahasa Inggeris yang terlatih. Jadi, kesediaan guru untuk berbuat demikian mesti difikirkan," katanya kepada Berita Harian, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno menolak cadangan mewujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris kerana tindakan itu tidak secocok dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Sebaliknya, bahasa itu akan diperluaskan di sekolah menerusi penggunaannya dalam pengajaran dua subjek utama iaitu sains dan matematik, bermula di peringkat tahun satu sekolah rendah. Ia akan dimulakan secepat mungkin.

Presiden Umno berkata, cadangan itu dibuat kerana menyedari pentingnya penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat khususnya Bumiputera kerana ia adalah bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas.

Sejak kebelakangan ini, laporan akhbar mengenai cadangan beberapa pihak supaya kerajaan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris mendapat reaksi berbeza.

Kebanyakan yang membantah bimbang kepentingan bahasa Melayu akan berkurangan, manakala yang bersetuju pula berpendapat ia bagi membolehkan rakyat menguasai bahasa Inggeris untuk menghadapi saingan era globalisasi.

(END)